

KIK beri ruang warga UMS untuk berinovasi

Oleh SITI AISYAH NARUDIN

aisyahub@gmail.com

UB 02/11/2019 A6

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) kini memberi lebih ruang kepada warga organisasinya untuk berinovasi dan menunjukkan daya kreativiti dalam menerbitkan idea-idea baru.

Naib Canselor UMS, Briged Jen Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon berkata inovasi yang diberikan juga tidak terhad kepada sesuatu bidang sahaja malah merentasi pelbagai bidang tanpa perlu menunggu sesuatu isu atau masalah dalam jabatan.

Menurutnya, inovasi berkenaan turut merangkumi kaedah untuk menghasilkan produk atau perkhidmatan yang lebih baik sama ada melalui pengubahsuaian atau penambahan.

"Ia adalah hasil cetusan idea melalui pemikiran kritis dan kritikal sekaligus menjana inovasi dalam mana-mana aspek kerjaya yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti organisasi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Konvensyen KIK Kali Kedua di sini kelmarin. Teks ucapan



TAHNNIAH ... Sharif menyampaikan hadiah kepada penerima Anugerah Ketua KIK Terbaik kategori pengurusan, Awina Kamis (dua kanan) sambil diperhatikan oleh tetamu jemputan lain.

beliau dibacakan oleh Pengarah UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang.

Kamaruzaman berkata, idea-idea berkenaan boleh merangkumi apa-apa perubahan dalam bentuk sistem dan prosedur, kaedah, cara bekerja mahupun pengenalan teknologi.

Jelasnya, KIK adalah platform terbaik kepada semua Jabatan, Sekolah, Pusat, Institut, dan Unit (JSPIU) bagi menentengahkan

hasil inovasi untuk dikongsi dan diaplikasi bersama.

"Saya yakin dan percaya usaha dalam KIK ini bukan sahaja dapat menyelesaikan pelbagai masalah kerja, malah memberi peningkatan dalam pembangunan modal insan.

"Ia juga menggalakkan budaya kerja kreatif dan inovatif serta mampu membina kerja berpasukan yang unggul," katanya.

Tambahnya, konvensyen itu juga dapat meningkatkan lagi motivasi semua yang terlibat

dengan meraih pengiktirafan serta penghargaan.

Beliau turut menyeru kepada kakitangan UMS untuk terus menghayati usaha pembudayaan inovasi dan kreativiti.

Jelasnya, pembudayaan berkenaan adalah aspek yang dititikberatkan kerajaan sebagai sebahagian daripada nilai asas yang menjadi pelengkap kepada Empat Tonggak Utama Kerajaan untuk mencapai Wawasan 2020.